

Oleh **Muhamad Razis Ismail**
razis@hmetro.com.my

Sofa koyak dicakar, paku bunga terbalik atau najis ditemui di tempat tidak sepatutnya antara cabaran yang dihadapi pemilik kucing.

Ada yang menganggap si bulus itu nakal atau degil. Namun, hakikatnya apa yang berlaku adalah sebahagian daripada tingkah laku semula jadi haiwan itu.

Pensyarah kanan bidang kebajikan haiwan dan tingkah laku haiwan di Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syamira Syazuana Zaini berkata, perangai 'nakal' si bulus, selalunya berpunca daripada keperluan semula jadi yang tidak dipenuhi.

"Contohnya, kucing mencakar, bukan semata-mata untuk menajamkan kuku tetapi juga untuk meregangkan otot dan menandakan kawasan melalui kelenjar bau pada tapak kaki. Sekiranya tiada tiang cakar yang sesuai, perabot rumah akan jadi mangsa.

"Begitu juga isu buang najis merata, ia mungkin disebabkan faktor tingkah laku atau masalah kesihatan. Dari segi tingkah laku, ia boleh jadi berkaitan dengan isu wilayah, kotak pasir yang kotor, lokasi tidak sesuai atau perubahan rutin harian," katanya.

Menurutnya, dalam hal ini, kucing boleh dilatih dan didisiplinkan,

cuma kaedahnya berbeza berbanding anjing.

"Kucing lebih bersifat berdikari dan tidak dilatih untuk mematuhi arahan seperti anjing.

"Latihan lebih berkesan apabila ia berfokus pada pengurusan tingkah laku, contohnya mengajar kucing menggunakan tiang cakar, berbanding arahan patuh seperti 'duduk' atau 'datang,'" katanya.

Katanya, keberkesanan latihan juga bergantung kepada pemahaman pemilik berkenaan tingkah laku semula jadi kucing.

"Dengan konsistensi serta penggunaan ganjaran positif, tingkah laku boleh diubah secara signifikan, sekali gus mengeratkan ikatan dengan haiwan kesayangan itu," katanya.

Dr Syamira menjelaskan, kucing berusia enam hingga lapan minggu adalah masa terbaik untuk dilatih kerana si bulus sedang rancak belajar dan membina tahap sosialisasi.

"Inilah waktu untuk membiasakan mereka dengan sentuhan manusia, mengajar penggunaan kotak pasir serta memperkenalkan persekitaran baharu," katanya.

"Latihan awal ini penting kerana ia membentuk tingkah laku pada masa depan, sekali gus mengelakkan masalah apabila kucing meningkat dewasa," katanya.

Berkongsi kepentingan disiplin beliau berkata, ia bukan bertujuan menghukum, tetapi membimbing kucing supaya dapat hidup harmoni bersama pemilik.

"Disiplin yang betul membantu mengurangkan kebosanan, mengelakkan tingkah laku merosakkan dan dalam masa sama meningkatkan kualiti

PERANGAI nakal si bulus, selalunya berpunca daripada keperluan semula jadi yang tidak dipenuhi.



MEMANG TABIAT SEMULA JADI

Kucing boleh dilatih dan didisiplinkan dengan kaedah berbeza



Dengan konsistensi serta penggunaan ganjaran positif, tingkah laku boleh diubah secara signifikan, sekali gus mengeratkan ikatan dengan haiwan kesayangan itu

DR SYAMIRA

mengalihkan perhatian kucing dengan mainan apabila ia mula berkelakuan tidak baik. Selain itu, pastikan semua keperluan asas seperti kotak pasir bersih, tiang cakar stabil, mainan mencukupi dan ruang rehat selamat tersedia.

"Latihan tidak boleh dilakukan seorang saja. Semua ahli keluarga perlu menggunakan kaedah yang sama supaya kucing tidak keliru," katanya.



DENGAN konsistensi serta penggunaan ganjaran positif, tingkah laku kucing boleh diubah secara signifikan.



TANPA peralatan yang sesuai, kucing akan menjadikan perabot sebagai sasaran.

hidup pemilik serta haiwan," katanya.

Katanya lagi, rutin harian yang konsisten juga adalah kunci untuk mendisiplinkan kucing.

"Kucing selesa dengan jadual tetap untuk makan, bermain dan tidur. Rutin sebegini memberi rasa selamat, mengurangkan tekanan dan secara tidak langsung mengurangkan tingkah laku tidak diingini," katanya.

Bagaimanapun tempoh untuk melihat perubahan berbeza antara seekor kucing dengan kucing yang lain.

"Ada yang mengambil masa beberapa minggu, ada juga hingga berbulan-bulan. Apa yang penting ialah kesabaran dan konsistensi pemilik," katanya.

Jelasnya, bagi mengelakkan tekanan, kaedah pengukuhan positif perlu diamalkan sepenuhnya.

"Pemilik boleh